

Bah

Mahathir - UMNO

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata orang Melayu melalui UMNO, mesti terus menjadi teras dan tunjang kerajaan Malaysia demi kekukuhan dan kestabilan negara yang dibentuk atas dasar kerajaan campuran.

Bagaimanapun, orang Melayu tidak berniat menguasai kaum-kaum lain dan ini terbukti apabila UMNO hanya bertanding di 84 kawasan Parlimen walaupun kawasan yang mempunyai Majoriti orang Melayu berjumlah 96 buah, tegas Perdana Menteri ketika merasmikan Perhimpunan Agung UMNO hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata, kerajaan campuran tidak boleh kukuh dan kekal jika tidak ada sebuah parti yang kuat untuk menjadi teras kerajaan campuran itu dan soal itu perlu difahami oleh parti-parti komponen lain dan Barisan Nasional (BN).

+Jika semua parti dalam kerajaan campuran sama kuat, perebutan untuk mendapat tempat pertama akan berlaku. Dan ini sudah tentu akan menjadikan kerajaan campuran berkenaan tidak stabil dan lemah,+ katanya.

Beliau memberi contoh bagaimana PAS dan Semangat 46 yang bergabung dalam Angkatan Perpaduan Ummah (Angkatan) terpaksa berhempas pulas untuk mendapatkan jawatan Timbalan Menteri Besar Kelantan selepas Angkatan merampas kerajaan negeri itu. — Lagi.

♥30/11/10-48MST

Bah

Mahathir - UMNO 2 Kuala Lumpur

+Jika Gagasan (gabungan Semangat 46, DAP, Parti Rakyat Malaysia dan Parti Bersatu Sabah) mendirikan kerajaan Persekutuan, maka perebutan yang sengit akan berlaku.

+Mungkin jawatan Timbalan Perdana Menteri terpaksa ditambah menjadi lima atau enam,+ katanya sambil menambah kata, kerana kelemahan kerajaan, Perdana Menteri terpaksa mengemis sepanjang masa untuk mendapat sokongan daripada parti-parti komponen.

Dalam ucapan setebal 46 muka surat itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan campuran di negara-negara lain yang tidak mempunyai tunggak yang kuat kerap gagal dan ini akan berlaku jika Angkatan dan Gagasan memerintah Malaysia.

+Sabah dan Kelantan akan hanyut dengan kedaerahannya,+ tegas beliau dan diberi tepukan gemuruh oleh kira-kira 1,500 orang anggota perwakilan.

Mengenai percubaan PAS untuk menubuhkan kerajaan Islam ala-PAS, beliau berkata, ini hanya akan menjadi punca perselisihan faham yang akan menjejaskan keamanan dan kestabilan negara.

Sambil mengucapkan syukur kerana majoriti rakyat Malaysia berfikiran waras dan tidak mahu memperjudikan masa depan mereka, beliau meminta mereka yang tidak mengundi BN supaya insaf bahawa penyokong BN akan terus dapat menyelamatkan mereka. — Bernama.

♥30/11/11-19MST